

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2/1/1 Jilid 2 (12)
Tarikh : 18 Januari 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YH.Dato'/ Datin/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN & PENGURUSAN CLOUD COMMUNICATION BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pelaksanaan *Cloud Communication* di UMP telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke-169 Bil. 1/2022 pada 5 Januari 2022.

3. Selaras dengan perancangan ICT-25 UMP, penggunaan *Cloud Communication* dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan pengoperasian komunikasi antara staf UMP serta kemudahan komunikasi ketika berada di luar kawasan organisasi. Pelaksanaan *Cloud Communication* berkuatkuasa mulai **1 Februari 2022**. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Pelaksanaan & Pengurusan *Cloud Communication* serta Soalan Lazim UMP *Cloud Communication* untuk rujukan dan makluman. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PTMK).


Kerjasama YH.Dato'/ Datin/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pengurus Kanan
Jabatan Pendaftar

s.k. - Naib Canselor
- Pendaftar

SENARAI EDARAN

Pengurusan Tertinggi

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Menjalankan Fungsi
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Bin Hainin**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **Encik Hazmin Bin Aris**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **Encik Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Encik Azman Bin Abdul Rahim**
Ketua Pustakawan

Penolong Naib Canselor / Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit

8. **Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Binti Noordin**
Penolong Naib Canselor
Jabatan Pembangunan Graduan
9. **Profesor Dr. Abdullah Bin Ibrahim**
Dekan Kanan
Kolej Teknologi Kejuruteraan
10. **Profesor Ts. Dr. Ruzaini Bin Abdullah Arshah**
Dekan Kanan
Kolej Komputeran & Sains Gunaan
11. **Profesor Madya Dr. Hasan Bin Ahmad**
Dekan Kanan
Kolej Pengurusan & Kemanusiaan
12. **Profesor Madya Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki Bin Nik Mohamed**
Dekan
Kolej Kejuruteraan

- 13. Profesor Madya Dr. Hamdan Bin Daniyal**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FTKEE)
- 14. Profesor Dr. Mahadzir Bin Ishak @ Muhammad**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA)
- 15. Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Faiz Bin Mohd Turan**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik (FTKPM)
- 16. Ir. Dr. Fadzil Bin Mat Yahaya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- 17. Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses (FTKKP)
- 18. Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Dekan
Fakulti Komputeran (FK)
- 19. Ts. Dr. Saifful Kamaluddin Bin Muzakir @ Lokman**
Dekan
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- 20. Profesor Dr. Mohd Zuki Bin Salleh**
Dekan
Pusat Sains Matematik (PSM)
- 21. Dr. Mohd Hanafiah Bin Ahmad**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)
- 22. Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**
Dekan
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- 23. Profesor Madya Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Dekan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
- 24. Profesor Madya Dr. Roslinazairimah Binti Zakaria**
Dekan
Pusat Diploma dan Asasi (PDA)
- 25. YBhg. Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)

- 26. Profesor Dr. Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**
Dekan
Penyelidikan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 27. Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron**
Dekan
Pengkomersialan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 28. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Dekan
Inovasi Industri
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 29. Dr. Ahmad Johari Bin Mohamad**
Dekan
Pembangunan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 30. Profesor Madya Dr. Mansor Bin Sulaiman**
Dekan
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 31. Puan Marlina Binti Mamat**
Menjalankan Tugas
Ketua Jabatan Perundangan
- 32. Profesor Dr. Chong Kwok Feng**
Pengarah/Ketua Pegawai Strategi,
Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti (PHKK)
- 33. Profesor Madya Dr. Mohamad Idris Bin Ali**
Pengarah/Ketua Pegawai Pengurusan Fasiliti,
Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (PPPH)
- 34. Profesor Madya Dr. Mohamed Ariff Bin Ameen**
Pengarah/Ketua Pegawai Maklumat,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)
- 35. Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit**
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- 36. Profesor Ts. Dr. Kamal Bin Yusoh**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (PIDA)

- 37. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Shahrir Bin Mohd Sani**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- 38. Profesor Madya Ir. Dr. Chin Sim Yee**
Pengarah
Pusat Usahasama Strategik Akademik (PUSA)
- 39. Profesor Madya Ts. Dr. Awanis Binti Romli**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
- 40. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Bin Mat Rejab**
Pengarah
Pusat Kerjasama Akademik Jerman
- 41. Encik Helmi Bin Mohamed Isa**
Pengarah
Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik (PPKA)
- 42. Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Institut Confucius
- 43. Ir. Dr. Zamri Bin Mohamed**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif (Pusat Automotif)
- 44. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Bin Mohd Yunus**
Pengarah
Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam (Pusat Alam)
- 45. Sr. Dr. Ngahzaifa Binti Ab Ghani**
Pengarah
Pusat Pembangunan Perisian & Perkomputeran Bersepadu (Pusat Perisian)
- 46. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju (Pusat Bendalir)
- 47. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik)
- 48. Profesor Madya Dr. Hazrulrizawati Binti Abd Hamid**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Biosains Tropika Termaju (Pusat Biotropik)
- 49. Ts. Syahrulnaim Bin Mohamad Nawi**
Pengarah
Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi (PRInT)

- 50. Profesor Ir. Ts. Dr. Kamarul Hawari Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Teknologi Sensor
- 51. Dr. Nasrul Hadi Bin Johari**
Pengarah
Pusat Teknologi Untuk Manusia
- 52. Dr. Noryanti Binti Muhammad**
Pengarah
Pusat Sains Data & Kecerdasan Buatan
- 53. Dr. Ismayuzri Bin Ishak**
Pengarah
Pusat Pembuatan Termaju
- 54. Ts. Dr. Raihana Zahirah binti Edros**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Sintesis Teknologi Ubat Dan Farmasi Farmaseutikal
- 55. Dr. Izan Izwan Bin Misnon**
Pengarah
Pusat Kecerdasan Bahan Termaju
- 56. Profesor Madya Dr. Rashidi Bin Abbas**
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
- 57. YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Bin Abu Bakar**
Pengarah
Pusat Sukan dan Kebudayaan
- 58. Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Bin Che Ghani**
Pengarah
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)
- 59. Dr. Mohd Nizar Bin Mhd Razali**
Pengarah
Pusat Keusahawanan
- 60. Profesor Madya Dr. Irene Ting Wei Kiong**
Pengarah
Pusat Penempatan & Pembangunan Kerjaya
- 61. Dr. Mohd Azmir Bin Mohd Azhari**
Pengarah
Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA)
- 62. Ir. Ts. Dr. Siti Zubaidah Binti Sulaiman**
Pengarah
Pusat Perhubungan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan

- 63. Dr. Munira Binti Abdul Razak**
Pengarah
Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya
- 64. Encik Muhammad Azli Bin Shukri**
Pengarah
Penerbit UMP
- 65. Ts. Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- 66. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam
- 67. Ketua**
Unit Pengurusan Risiko
- 68. Dr. Noradilah Binti Md Nordin**
Ketua
Unit Perundingan dan Bantuan Staf
- 69. Cik Noriza Binti Hassan**
Ketua
Unit Integriti dan Pematuhan
- 70. Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Canselor
- 71. Encik Abd Rahman bin Hj Safie**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
- 72. Encik Rosilavi Bin Mat Jusoh**
Pengurus
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 73. Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 74. Encik Abdul Shukur Bin Ishak**
Pengurus Kanan
Jabatan Pembangunan Graduan
- 75. Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus Kanan
Jabatan Pendaftar

76. Encik Ahmad Fauzi Bin Ahmad Bakti

Ketua
Bahagian Keselamatan

Anak Syarikat UMP

77. Ir. Dr. Syed Mohamed Hamzah Al-Junid Bin Syed Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Holdings & Kumpulan

78. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed

Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Advanced Education

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN & PENGURUSAN *CLOUD COMMUNICATION* BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan serta rujukan kepada semua staf bagi penggunaan dan pelaksanaan *Cloud Communication* dalam operasi harian di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penggunaan dan pelaksanaan *Cloud Communication* di UMP telah diluluskan berdasarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat (JPICIT) Kali Ke-11 Bil.3/2021 bertarikh 18 Jun 2021.
- 2.2 Sistem telefon yang sedia ada yang digunapakai bagi operasi dalam UMP adalah menggunakan sistem PABX. Sistem ini telah *obsolete* pada Disember 2019 dari segi teknologi dan alat ganti berdasarkan dari surat pembekal utama bertarikh 12 Oktober 2018.
- 2.3 Selaras dengan pelaksanaan perancangan dalam ICT-25 UMP, bagi memastikan sistem komunikasi UMP kekal berfungsi di tahap yang memuaskan dan cekap, penggunaan *Cloud Communication* dilaksanakan. Ia adalah sebagai usaha pihak PTMK untuk meningkatkan kecekapan pengoperasian komunikasi antara staf UMP serta kemudahan komunikasi ketika berada di luar kawasan organisasi.

3.0 TAFSIRAN

Bagi maksud garis panduan ini;

- 3.1 "***Cloud Communication***" bermaksud sistem telekomunikasi digital yang digunakan sebagai medium telekomunikasi rasmi UMP.
- 3.2 "**Ketua Jabatan**" bermaksud:
 - 3.2.1 Ketua Pusat Tanggungjawab; atau
 - 3.2.2 mana-mana staf yang bertanggungjawab mengetuai jabatan, bahagian atau unit.

4.0 DASAR KEMUDAHAN CLOUD COMMUNICATION

4.1 Kemudahan *Cloud Communication* memperuntukkan **setiap staf dengan satu talian telefon** sahaja bagi pelaksanaan tugas rasmi.

5.0 PELAKSANAAN

5.1 Staf yang layak mendapat kemudahan *Cloud Communication* adalah ;

- i. staf lantikan tetap;
- ii. staf lantikan kontrak (*Contract of Service*) ; atau
- iii. Lain-lain kumpulan atau kategori yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

5.2 Kategori yang tidak layak;

- i. Staf yang berstatus sementara atau ikhtisas. Namun begitu, jika diperakukan oleh Ketua Jabatan sebagai perlu, maka ianya akan disediakan berdasarkan kepada kesediaan (*availability*);
- ii. Pelajar pra-siswazah dan pasca-siswazah secara sepenuh masa, separuh masa ataupun lain-lain mod pengajian yang tidak dinyatakan;
- iii. Staf daripada entiti selain UMP (contoh: KOR SUKSIS). Namun begitu talian UMP boleh dibekalkan bagi tujuan untuk panggilan dalam UMP sahaja ; dan
- iv. Staf di bawah anak syarikat UMP.

5.3 Jadual kelayakan pengguna *Cloud Communication*

Kategori	Keterangan	Kemudahan Cloud Comm.	Kategori Staf
Kategori A	Boleh mendail ke talian dalam dan luar negara serta talian telefon bimbit.	Perisian	Pengurusan Tertinggi.
Kategori B	Boleh mendail ke talian dalam negara serta talian telefon bimbit.		Staf yang berkelayakan seperti yang dinyatakan pada perenggan 5.1
Kategori C	Boleh mendail ke talian dalam dan luar negara serta talian telefon bimbit.	Desk-phone	General Line.

5.4 Peraturan penggunaan *Cloud Communication*

Staf perlu mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi penggunaan *Cloud Communication* seperti berikut;

- i. Sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh, hari dan waktu bekerjanya;
- ii. Penetapan pemasangan wajib ke atas staf yang layak pada peralatan / perkakasan yang diterima dari pihak UMP;
- iii. Bagi staf yang mengawal selia talian utama perlu mematuhi tatacara menjawab panggilan yang telah dikuatkuasakan sebelum ini; dan
- iv. Staf digalakkan untuk menggunakan sambungan rangkaian Internet UMP semasa berada di dalam UMP sama ada *wired* atau *wireless*.

5.5 Pemasangan Perisian

Maksimum peranti yang dibenarkan adalah sebanyak lima (5) peranti sahaja.

5.6 Permohonan Keperluan Khas

Permohonan bagi mendapatkan kemudahan *Cloud Communication* selain daripada jadual kelayakan pengguna *Cloud Communication* seperti di perenggan 5.2 di atas. boleh dikemukakan kepada Pengarah PTMK melalui Ketua Jabatan masing - masing melalui medium;

- a) surat rasmi; atau
- b) E-mel rasmi UMP.

Contoh situasi :

Pembantu Tadbir Gred N19 di Institut Pengajian Siswazah Unit VIVA, memerlukan kemudahan untuk membuat panggilan ke luar negara berdasarkan keperluan tugas hakiki. Oleh itu staf boleh mengemukakan permohonan berdasarkan perakuan dari Ketua Jabatan.

5.7 Penamatan kemudahan *Cloud Communication*

Staf yang bersara atau tamat perkhidmatan akan ditamatkan kemudahan tersebut secara automatik berdasarkan tarikh kuatkuasa tamat perkhidmatan.

6.0 TANGGUNGJAWAB STAF

- i. Staf bertanggungjawab memastikan bahawa penggunaan kemudahan *Cloud Communication* adalah bagi operasi tugas rasmi sahaja;
- ii. Staf boleh dituntut untuk membayar bil penggunaan telefon sekiranya didapati menggunakan kemudahan bagi tujuan peribadi (bukan rasmi); dan
- iii. Pihak PTMK akan mengemukakan laporan berdasarkan permohonan dari Ketua Jabatan.

7.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- i. Ketua Jabatan hendaklah menetapkan had capaian akses bagi staf yang layak untuk menerima kemudahan *Cloud Communication*; dan
- ii. Ketua Jabatan boleh memantau penggunaan melalui pelaporan dari pentadbiran PTJ atau dari pihak PTMK.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 01 Februari 2022.

9.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan ini, Polisi Pemberian Kemudahan & Servis Telekomunikasi Staf Universiti Malaysia Pahang (Polisi ini telah digubal oleh Pejabat Pendaftar dan diluluskan dalam Mesyuarat Eksekutif Bil 8/2006 bertarikh 18 Oktober 2006) dan Garis Panduan Kelayakan Dan Panggilan Telefon UMP Pindaan 1/2010 adalah terbatal.



اونيزرسي تي مليسيا فهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

UMP CLOUD COMMUNICATION

SOALAN LAZIM



f @ y t
UMPMalaysia

**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**

5 STARS
QS RATED FOR EXCELLENCE
2018

751-800
QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS 2021

#133 ASIA
QS WORLD UNIVERSITY
RANKINGS 2021

01

Apakah yang maksudkan dengan Cloud Communication?

Ianya merupakan satu sistem telekomunikasi berasaskan internet sebagai medium komunikasi dan UMP telah mengiktiraf medium ini sebagai platform telekomunikasi rasmi universiti.

02

Mengapakah UMP beralih kepada Cloud Communication?

Sistem telekomunikasi sedia ada telah usang dan kos penyelenggaraan tahunan adalah tinggi untuk memastikan sistem ini kekal berfungsi.

03

Apakah kelebihan Cloud Communication ini?

Aplikasi ini lebih *mobile* (mudah dibawa ke mana-mana) sekaligus memudahkan komunikasi staf walaupun berada di luar kawasan pejabat.

04

Bagaimanakah pelaksanaan Cloud Communication di UMP?

Setiap staf akan diperuntukkan dengan satu akaun dan aplikasi ini boleh dipasang di peranti samada telefon bimbit, komputer atau tablet. Staf perlu login ke dalam aplikasi dengan menggunakan akaun yang telah ditetapkan dan memastikan aplikasi tersebut sentiasa aktif.

05

Adakah caj panggilan akan dikenakan kepada staf?

Tiada caj panggilan dikenakan kepada panggilan untuk tujuan rasmi. Ketua Jabatan berhak untuk mendapatkan log panggilan staf bagi tujuan semakan.

06

Di mana saya boleh rujuk nombor sambungan baharu staf dan PTJ?

Nombor sambungan baharu untuk staf dan PTJ dipaparkan secara digital di portal UMP. Sila rujuk di pautan Direktori Staf



07

Apa status nombor sambungan sedia ada?

Nombor talian sedia ada akan ditamatkan bermula 1 Februari 2022. Staf dan PTJ akan mendapat nombor sambungan baharu yang akan digunapakai sepanjang tempoh perkhidmatan di UMP.

08

Kenapa pula perlu bertukar nombor panggilan?

Ini adalah kerana nombor panggilan sedia ada disediakan oleh Telekom Malaysia manakala perkhidmatan baharu disediakan oleh TIME. Buat masa ini, nombor talian tetap masih belum mempunyai ciri-ciri MNP (*mobile number portability*) sepertimana nombor talian mudah-alih

09

Adakah kaedah ini telah diluluskan oleh universiti?

Cloud Communication ini adalah salah satu inisiatif yang digerakkan oleh universiti dalam usaha meningkatkan penggunaan digital di dalam kampus. Ia juga telah digazetkan sebagai medium rasmi universiti dalam perhubungan komunikasi antara staf.

10

Bagaimana jika staf menghadapi masalah penggunaan?

PTMK akan melaksanakan beberapa sesi kepenggunaan secara maya bagi membolehkan staf untuk mengemukakan sebarang pertanyaan. Staf juga boleh menggunakan saluran **ICCS** bagi sebarang bantuan teknikal.

11

Adakah PTJ akan menggunakan aplikasi juga sebagai General Line?

Bagi PTJ, talian kecemasan dan talian utama universiti, ianya akan dibekalkan dengan satu set telefon yang akan dihubungkan dengan Cloud Communication. Telefon ini akan diletakkan di ruang setiausaha atau yang lokasi bersesuaian yang telah ditetapkan oleh PTJ.

12

Bilakah perkhidmatan ini akan berkuatkuasa?

Sesi percubaan dan migrasi akan berlangsung sepanjang bulan Disember 2021 dan Januari 2022, manakala penggunaan sepenuhnya termasuklah penamatan perkhidmatan sedia ada berkuatkuasa pada 01 Febuari 2022.



13

Saya ada komputer, tablet dan telefon, adakah saya boleh memasang aplikasi ini pada semua peralatan saya?

Staf boleh memilih untuk memasang aplikasi di telefon bimbit, tablet atau komputer masing-masing sehingga maksima lima (5) peralatan. Peralatan yang dibekalkan oleh UMP adalah **WAJIB** dipasangkan dengan aplikasi ini.

14

Telefon bimbit saya bukan jenis iOS atau Android, adakah saya boleh memasang aplikasi ini pada telefon saya?

Buat masa ini, aplikasi hanya menyokong platform iOS dan Android sahaja. Staf boleh menggunakan Webphone untuk dipasang di komputer; ianya menyokong kesemua versi web browser.

15

Jika saya memilih untuk memasang perisian ini pada komputer, adakah pihak PTMK akan membekalkan *headset + mikrofon* bagi membolehkan perisian ini berfungsi?

Pihak PTMK tidak membekalkan *headset + mikrofon*.

Adakah saya boleh membeli *headset + mikrofon* dengan menggunakan peruntukan PTJ?

16

Pembelian dengan menggunakan bajet PTJ adalah tertakluk kepada kesediaan peruntukan dan kelulusan oleh Ketua Jabatan.

17

Bagaimana jika saya tidak mahu menggunakan aplikasi ini? Adakah ianya wajib ke atas staf UMP?

Aplikasi ini adalah satu medium komunikasi rasmi UMP untuk kegunaan staf. Oleh yang demikian, ianya adalah diwajibkan ke atas staf untuk menggunakan kemudahan ini.

18

Sekiranya saya membuat panggilan kepada pihak kementerian dan industri dengan menggunakan aplikasi ini, adakah ianya akan dicaj ke dalam bil telefon saya?

Tidak, kesemua panggilan rasmi yang menggunakan aplikasi ini akan dicaj kepada UMP.



19

Sekiranya saya sedang bercuti atau di luar waktu pejabat, adakah saya masih akan menerima panggilan dari aplikasi ini?

Staf masih akan menerima panggilan masuk, namun begitu aplikasi ini mempunyai fungsi **Do Not Disturb** yang akan menolak setiap panggilan yang masuk sekiranya ianya diaktifkan. Senarai panggilan yang ditolak akan terpapar di dalam sejarah panggilan.

20

Kenapa kualiti panggilan kadang-kadang lambat? Tidak sama macam guna telefon pejabat dahulu.

Kesemua panggilan yang berasaskan Internet (VoIP) akan bergantung kepada kualiti dan prestasi Internet pada ketika panggilan sedang berlaku. PTMK telah menetapkan *setting* aplikasi ini pada tahap kualiti panggilan yang baik bagi mengelakkan sebarang isu panggilan.

21

Saya tidak mahu guna pelan data peribadi saya untuk aplikasi ini tetapi kemudahan WiFi di UMP masih tidak menyeluruh. Apa pilihan yang saya ada?

UMP sedang ke arah digitalisasi perkhidmatan dan operasi yang mana mobiliti akan menjadi salah satu elemen utama. Sistem berasaskan mobile juga akan diperluaskan di masa hadapan yang mana ianya perlu juga dipasang pada peranti staf dan pelajar bagi memudahkan warga kampus mengakses sistem universiti.

Bagi capaian WiFi di dalam kampus, PTMK sedang dalam proses menaiktaraf kemudahan WiFi di keseluruhan kampus dan dijangkakan menjelang tahun 2024, kemudahan WiFi akan dipertingkatkan sepenuhnya.

22

Pengarah jabatan saya menghadiri seminar di Australia dan saya perlu menghubungi beliau atas urusan kerja. Adakah panggilan saya akan dicaj dengan kadar antarabangsa sekiranya menggunakan aplikasi ini?

Dengan menggunakan aplikasi ini, semua panggilan antara staf (dengan menggunakan nombor sambungan) adalah percuma tanpa mengira lokasi (dalam atau luar negara) dan tempoh panggilan. Hanya panggilan ke nombor tetap dan nombor telefon bimbit sahaja akan dikenakan caj. Kelayakan panggilan adalah berdasarkan kepada garis panduan yang berkuatkuasa.

